

# SIARAN AKHBAR



Bahagian Hal Ehwal Awam dan  
Komunikasi Korporat Kumpulan  
Lembaga Tabung Haji  
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,  
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur  
Tel : 03 2054 2132  
Faks : 03 2164 0436  
Email : bkk@th.gov.my

Tabung Haji Contact Centre  
Tel : 03 6207 1919  
Faks : 03 7728 4959

[www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)

## Program Iqra' TH Beri Bantuan Kembali Ke Sekolah Pelajar Asnaf

**Bachok, Rabu, 22 November 2016:** Lembaga Tabung Haji (TH) hari ini mengagihkan zakat pendidikan berjumlah **RM113,000.00** kepada **226 orang pelajar** dalam Majlis Penyampaian Sumbangan Program Iqra' 2016 Peringkat Negeri Kelantan yang diadakan di Dewan Bunga Raya, Bachok, Kelantan.

Para pelajar dari **15 buah sekolah** terpilih di sekitar daerah ini menerima **sumbangan berjumlah RM500 setiap seorang**, berupa kelengkapan sekolah bernilai RM200 dan wang tunai berjumlah RM300. Penyampaian sumbangan tersebut disempurnakan oleh **YBhg. Tan Sri Haji Shukry Bin Mohd Salleh, Ahli Lembaga Pengarah TH.**

*"Pengagihan sumbangan zakat di bawah Program Iqra' ini bertujuan membolehkan pelajar asnaf dan kurang berkemampuan membuat persediaan bagi menghadapi sesi persekolahan 2017. Sumbangan ini juga sebagai suntikan semangat dan pendorong kepada para pelajar agar lebih berdaya maju dan cemerlang dalam pelajaran, seterusnya meningkatkan taraf sosio ekonomi masing-masing,"* kata YBhg. Tan Sri Haji Shukry Bin Mohd Salleh.

Program Iqra' yang menasarkan pelajar asnaf seluruh negara ini merupakan antara program tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dilaksanakan oleh **TH** setiap tahun. Program yang dilaksanakan dalam bulan November ini mengunjurkan pengagihan zakat pendidikan berjumlah **RM2 juta** kepada **4,000**

**pelajar** daripada **178 sekolah** di seluruh negara. Sehingga hari ini, **TH** telah selesai melaksanakan majlis penyerahan sumbangan Program Iqra' di 13 buah negeri (Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor, Terengganu, Pulau Pinang, Sabah, Selangor, Melaka, Kedah, Perlis, Pahang Sarawak dan termasuk Kelantan).

Sebagai tanda keprihatinan dan tanggungjawab sosial **TH** terhadap golongan asnaf dan kurang bernasib baik, program ini turut dilihat sebagai usaha menyokong inisiatif Kerajaan dalam membangunkan modal insan serta melestarikan komuniti Islam negara. **TH** berharap sumbangan ini dapat mendorong dan memberi motivasi kepada para pelajar untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik, sekaligus menjadi pemangkin perubahan ke arah meningkatkan taraf sosio ekonomi diri, keluarga, masyarakat dan seterusnya negara.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Tuan Haji Wahyudin Tamami, Pengarah **TH** Negeri Kelantan, Tuan Haji Mohd Faizul Yusoff, Pegawai Pendidikan Daerah Bachok, pengetua-pengetua, guru-guru sekolah terpilih serta anggota **TH**.

**-Tamat-**

---

## Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah kewangan Islam, perladangan, hartanah, pembinaan, teknologi maklumat, minyak & gas dan hospitaliti. **TH** mempunyai 123 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my) atau hubungi Tabung Haji Contact Centre ditalian 03-6207 1919.